

Hari ini, semakin ramai wanita menjadi penyumbang pembangunan ekonomi negara. Peningkatan jumlah tenaga kerja wanita di Malaysia turut menggambarkan pertumbuhan semakin besar pembayar cukai wanita.

Ketika ini, kira-kira 40 peratus daripada 1.5 juta pembayar cukai individu adalah wanita. Persoalannya, sehingga kini masih lagi ada yang keliru cara mengisi borang serta pengiraan penetapan jumlah cukai pendapatan perlu dibayar.

Lalu, tidak hairanlah setiap kali menerima borang penilaian cukai pendapatan, pasti ada suara bersungut dan merungut apabila melihat jumlah cukai dikenakan. Tidak kurang yang 'melabelkan' Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) zalim. Benarkah begitu?

Menyifatkannya sebagai cabaran, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDN, Asriah Shaari, berkata rasa tidak puas hati memang ada, sama ada jumlahnya mahupun potongan pengecualian cukai, yang dilakukan.

"Semua rakyat, tidak kira lelaki atau wanita, bertanggungjawab membayar cukai...tiada perbezaan gender.

"Habuannya adalah kemajuan pembangunan selain keamanan dan keselamatan rakyat," katanya dalam temu bual



“
ISU DUA
FAIL ATAU
BERTINDAN
TIDAK AKAN
TIMBUL
SELEPAS
WANITA
BERCERAI,
LEBIH-LEBIH
LAGI JIKA
SEBELUM INI
DIA MEMILIH
MEMBUAT
TAKSIRAN
BERASINGAN”



Asriah Shaari,
Pegawai Jabatan
Khidmat
Korporat LHDN

bersama FAMILI,
baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Asiah berkata, setiap tahun, peningkatan pendaftaran baru cukai pendapatan boleh dilihat. Bagi 2011, jumlah pendaftaran baru fail cukai pendapatan lelaki ialah sebanyak 317,418, manakala perempuan mencapai jumlah 197,413.



FAKTA NOMBOR

317,418

Pendaftaran baru **fail cukai pendapatan** lelaki

197,413

Pendaftaran **fail** baru wanita

40

 peratus

Daripada 1.5 juta pembayar **cukai individu** adalah wanita

INFO

Antara tuntutan layak dibuat isteri

⊙ Potongan untuk **diri sendiri RM9,000.**

⊙ Jika individu itu kurang upaya, potongan tambahan dibenarkan sebanyak **RM6,000 sejak 2006.**

⊙ Potongan bagi yuran pendidikan untuk diri sendiri bagi mendapat kemahiran atau kelayakan dalam bidang teknikal, vokasional, industri,

sains atau teknologi, termasuk teknologi maklumat dan komunikasi di institusi yang diiktiraf kerajaan. Bagi peringkat sarjana dan doktor falsafah (sebarang bidang atau kursus pengajian), **potongan yang dibenarkan adalah sehingga maksimum RM5,000** dan tuntutan perlu disokong dengan resit asal.

⊙ Potongan perbelanjaan rawatan perubatan ibu bapa sehingga maksimum **RM5,000 dan tuntutan**

disokong dengan resit asal.

⊙ Potongan perbelanjaan pembelian alat sokongan asas untuk diri sendiri, suami, anak atau ibu bapa yang **cacat atau hilang upaya sehingga maksimum RM5,000.**

⊙ Potongan perbelanjaan rawatan **penyakit serius untuk diri sendiri, suami atau anak** sehingga maksimum RM5,000. Isteri juga boleh menuntut potongan perbelanjaan pemeriksaan

kesihatan secara menyeluruh yang dihadkan, maksimum RM500. Jumlah tuntutan belanja pemeriksaan kesihatan ini termasuk sebahagian daripada had potongan maksimum untuk **belanja rawatan penyakit serius RM5,000.**

⊙ Potongan **RM6,000 bagi caruman kumpulan wang simpanan** atau kumpulan wang pencen yang diluluskan seperti Kumpulan Wang Simpanan

cukai

» Masih ada wanita tak tahu buat tuntutan tepat



Individu bekerja layak buat potongan cukai ikut pendapatan.



Biar asing

Asriah tidak menafikan, masih ada ketidakfahaman dan beberapa soalan lazim kerap dikemukakan individu kepada LHDN setiap kali ingin mengisytiharkan cukai pendapatan dan mengembalikan Borang Nyata Cukai Pendapatan Individu (pendapatan selain perniagaan).

Wanita sudah berkahwin misalnya, ada pilihan membuat taksiran cukai dan beberapa tuntutan yang layak.

“Mereka boleh memilih membuat taksiran cukai secara bersama dengan suami atau secara berasingan.

“Bagaimanapun, isteri digalakkan memilih taksiran berasingan kerana isteri mempunyai tanggungan yang sama seperti suami. Ini termasuk tuntutan potongan, rebat cukai dan penganan cukai.

“Dengan adanya fail sendiri, isteri ini boleh melakukan taksiran sendiri sekali gus meringankan beban,” jelasnya.

Buat perbandingan

Tambahnya, bagi memastikan sama ada Taksiran Bersama atau Taksiran Berasingan, mana satu lebih menguntungkan, suami dan isteri perlu membuat perbandingan terlebih dulu.

“Masing-masing boleh memilih mana potongan cukai secara berasingan. Contohnya, bagi insurans perubatan dan pendidikan anak, jika isteri sudah menuntut pengecualian cukai, maka suami tidak perlu,” katanya turut memberitahu cara demikian bukan untuk



bagi isteri yang berpendapatan tinggi daripada suami atau wpun suami yang tidak bekerja. Jika suami tiada pendapatan, isteri ditaksir atas pendapatannya dan layak mendapat potongan suami sebanyak RM3,000, malah potongan tambahan sebanyak RM3,500 jika suami kurang upaya.

Pascacerai

Status wanita yang bercerai akan kembali sebagai individu sebelum berkahwin. Fail cukai pendapatan ketika bujang, akan dibuka semula jika wujud atau diberi nombor pendaftaran baru.

Selepas itu, wanita berkenaan boleh mengisytiharkan pendapatannya sendiri, termasuk bayaran nafkah bekas suami jika ada dan dikenakan

cukai secara berasingan.

Jika bekas suami sama-sama menanggung perbelanjaan sara hidup dan pendidikan anak, masing-masing layak diberi potongan anak pada kadar 50 peratus daripada pelepasan anak yang layak. Tetapi dengan syarat mereka menyara anak berkenaan dalam tahun asas tahun taksiran itu.

“Isu dua fail atau bertindan tidak akan timbul selepas wanita bercerai, lebih-lebih lagi jika sebelum ini dia memilih membuat taksiran berasingan. Bagaimanapun, jika masalah timbul, individu terbabit boleh hubungi atau datang ke LHDN untuk mengatasi sebarang kesulitan. Perlu diingatkan, setiap fail cukai taksiran individu adalah sulit dan tiada sesiapa pun boleh mengetahui atau memeriksanya, sekalipun suami atau isteri atau bekas pasangan masing-masing,” kata Asriah lagi.

Bagi kes suami meninggal dunia, suami ditaksir atas pendapatannya sendiri sehingga tarikh kematian. Isteri tidak boleh membuat pilihan taksiran bersama pada tahun suami meninggal dunia dan boleh juga membuat tuntutan potongan bagi penyaraan anak.

Anak angkat tak layak

Untuk wanita bujang atau belum berkahwin pula, tetapi menanggung anak angkat atau anak saudara yang tiada sijil pengangkatan kata Asriah, tidak layak untuk mendapat potongan sebagai perbelanjaan sara hidup anak.

Mengulas semakin ramai wanita yang bekerja atau mencari pen-





pekerja (KWSP). Bayaran premium atas polisi insurans nyawa yang diambil atas nama diri sendiri, suami atau kedua-duanya.

- ⊙ Potongan bayaran premium insurans untuk pendidikan atau manfaat perubatan yang dihadkan tuntutan **kepada maksimum RM3,000**. Polisi insurans pendidikan atau manfaat perubatan adalah untuk diri sendiri, suami dan anak.
- ⊙ Potongan bagi perbelanjaan


membeli buku, jurnal, majalah dengan had maksimum RM1,000.

- ⊙ Isteri boleh memilih menuntut keseluruhan atau **sebahagian potongan untuk anak**.
- ⊙ Isteri boleh membuat tuntutan potongan bagi bayaran premium anuiti yang dibeli melalui skim anuiti, yang disahkan oleh KWSP yang dihadkan kepada maksimum RM1,000.



mengelakkan cukai, tetapi kaedah terbaik mengisytiharkan pendapatan masing-masing dan mengurangkan cukai perlu dibayar.

Asriah berkata, memilih untuk membuat taksiran cukai berasing lebih wajar dibuat



pendapatan sam-bilan dari rumah pada masa kini, Asriah berkata, selagi pekerjaan atau perniagaan dibuat individu itu memberikan pendapatan, maka wajib-lah mengisytiharkan pendapatan dan membayar cukai jika didapati layak berbuat demikian.

INFO

Bilangan penerimaan e-Filing mengikut gender untuk tahun taksiran 2008 sehingga 2012

Tahun taksiran	Kaedah BNCP diterima (individu)	Kaedah kemukakan BNCP	Jantina	Peratusan
2008	2,605,101	Borang kertas	N/A	N/A
		e-Filing	Lelaki	59%
			Perempuan	40%
2009	2,677,753	Borang kertas	N/A	N/A
		e-Filing	Lelaki	58%
			Perempuan	41%
2012	2,759,630	Borang kertas	N/A	N/A
		e-Filing	Lelaki	58%
			Perempuan	41%

□ BNCP (Borang nyata cukai pendapatan)

Sumber: Jabatan Operasi Cukai, LHDN